

Conference e-Proceedings

eISBN 978-967-2072-43-0

Physical & Online



I-RoLE 2023

INTERNATIONAL CONFERENCE OF
RESEARCH ON LANGUAGE EDUCATION 2023

**EMBRACING CHANGE:
EMANCIPATING THE LANDSCAPE
OF RESEARCH IN LINGUISTIC,
LANGUAGE AND LITERATURE**

13 - 14 MARCH 2023

**NOBLE RESORT HOTEL MELAKA
MALAYSIA**

ORGANISER



Cawangan Melaka

CO ORGANISERS



**UNIVERSITI
MELAKA**



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

CONFERENCE MANAGER



WMIT GROUP SDN BHD
138118-A



eISBN 978-967-2072-43-0

Physical & Online

I-RoLE 2023

INTERNATIONAL CONFERENCE OF RESEARCH
ON LANGUAGE EDUCATION 2023

Conference e-Proceedings

International Conference of Research on Language Education 2023

13-14 March 2023 • Noble Resort Hotel, Melaka



**Conference e-Proceedings
International Conference of Research on
Language Education 2023
e-ISBN: 978-967-2072-43-0**

**“Embracing Change: Emancipating the Landscape of
Research in Linguistics, Language and Literature”**

**13-14 March 2023
Noble Resort Hotel, Melaka
*Physical and Online Conference***

ORGANISER



Cawangan Melaka

CO ORGANISERS



CONFERENCE MANAGER





EDITORIAL BOARD

Chairman

Dr. Ameiruel Azwan bin Ab Aziz
Universiti Teknologi MARA

Committee Member

Fazlinda binti Hamzah
Universiti Teknologi MARA

Mohd Azlan Shah bin Sharifudin
Universiti Teknologi MARA

Dr. Amirah binti Mohd Juned
Universiti Teknologi MARA

Coordinator

Zesdyzar Rokman
WMIT Group Sdn Bhd

Rozielawati Rosli
WMIT Group Sdn Bhd

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

The views and opinions expressed therein are those of the individual authors and any statements in this publication do not imply endorsement by the publisher or the editorial staff.

e ISBN 978-967-2072-43-0



Publisher:
Zes Rokman Resources (2131022-P)
Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan



Conference e-Proceedings
International Conference of Research on Language Education 2023
 e-ISBN: 978-967-2072-43-0

Table of Contents

No.	Title	Page Number
1.	Galaxy Tense A+: The Effectiveness of English Tenses Board Game Among Tertiary Students	6
2.	Graphic Design Website: Exploring Market Needs for Services	14
3.	Beyond What Eye Saw	21
4.	Creative Writing: Through Her Eyes - Tales of The Heart	28
5.	Let's Play Phonetic Charades	34
6.	A Visual Novel Game on Social Anxiety	40
7.	Skin Care with Fisha: New Media Content Creation for Basic Skincare Education	48
8.	e-Book of Poem Collections	55
9.	Toodles: Flashcards for Children	61
10.	Digital Flashcards (Tenses)	68
11.	Investigating Students' Concerns on The Development of Masterly!	74
12.	Googly Eyes: A Game to Improve English Usage Among Teenagers	80
13.	Providing Subtitles for Malaysian YouTuber	86
14.	Read and Play: Improving Adolescent's Reading Skills Through Video Games	91
15.	Thoughts by Her Soul Bookmark	99
16.	The Comedy of Errors Simplified: "Egeon's 18Th Reasons Why"	105
17.	Oliver Green: Improving Homonyms Understanding Through Comics	112
18.	PWSP: Phonetic Word Search Puzzle Book	117
19.	Floriography	121
20.	A Preliminary Study on The Young Adult's Perception of Learning English Using the Website: Swifties Read	126
21.	A Place for Poets: An Online Poetry Recitation Series	133
22.	Say It Right with Ya	140
23.	Don't Touch My No-No Square	150
24.	Templatify: An E-Book Collection of Ecards Templates	158
25.	Short Story: Disease Takes Happiness Away	164
26.	Dusted Lines: A Compilation of Self-Written Poems	170
27.	'What's Your Philosophy?' An Edutaining Card Game	177
28.	Be Cool, Not Cruel	185
29.	Grammar Made Fun with TikTok	192
30.	Interactive Journaling as A Mental Health Coping Strategy for Youths	201
31.	Learned – Spoken: Manglish	212
32.	Lost in the Labyrinth of My Mind	218
33.	Translation of Abqorie's Fardhu Ain Module for Smart Tahfiz & Transit Abqorie	225
34.	Poetry for Us: Expressing Feelings Through Creative Writing	231
35.	Lyacomms' Proofreading and Editing Service	238



No.	Title	Page Number
36.	The Effectiveness Of ‘Master the Verbs’ Instagram Flashcards Among Year Six Low Proficiency Level Students	244
37.	My Malay Fables	252
38.	Talking Story: eBooks to Improve Reading Comprehension Skills	259
39.	Exploring Creative Writing as A Tool to Enhance Mental Health	272
40.	Movie Moo	281
41.	English Pitstop	288
42.	Upin Ipin Reding Kit	294
43.	Seventy-Two Beats a Second	301
44.	Knowing Kristang	308
45.	Creatorslation: The Role of Technology in Translation Service	313
46.	Travel Guide as a Medium to Improve English Comprehensiveness	319
47.	Posterlance	328
48.	Crossfunetics	336
49.	The Effectiveness of Board Games to Promote Student Attention and Enjoyment in English Subject	342
50.	The Use of e-Books and Social Media in Introducing Malaysian Folklores Among Children	352
51.	Creepypodcast YouTube Channel	357
52.	Mastermind’: English Board Game	363
53.	한국어 In Melayu!	369
54.	Triple P with Sang Kancil: Pronunciation, Phonetics, and Playbook	376
55.	"So, She Reads" Book Blog	383
56.	Abbyfication: A Grammar-Based Word Game	389
57.	Klick! A Content Writing Service	396
58.	The Love Levanter Podcast	403
59.	Let’s Talk Feelings Podcast	409
60.	Grafixmoon: Poster Designing Service	415
61.	The Circle of Life	422
62.	Hops the Dwarf	430
63.	Malay Corner: Learning Malay Through Discord	435
64.	Movie: This and That	441
65.	Phone the Phonetics: Phonetic Flashcards	449
66.	And What If?	455
67.	Interrupted: Life in A Podcast	458
68.	@Phoneticisfun	463
69.	Culinary and Creative Writing: When Two Worlds Collide	468
70.	Talk in Senses	473
71.	Piano Pleasure Course	480
72.	Step by Step: A Motivational Instagram Account	486
73.	Figurative Language! An Educational Autobiography	492
74.	Of Power, Devotion and Betrayal: A Collection of Malaysian Princesses’ Folklores	499
75.	Tell Me, How’s Everything? An Anthology of Poems to Increase the Understanding of Figurative Language	505



No.	Title	Page Number
76.	Oh, Lendu Youth	513
77.	Living the Hard Life	520
78.	Mirror, Mirror, on the Wall, Who Is the Best of Us All?	528
79.	Beyond the Crowded Space: The Use of Podcast in Improving Psychological Well-Being	535
80.	Samdil: Same Music, Different Language	541
81.	Bejalai: A YouTube Journey	547
82.	Mind Your Language	552
83.	Pop Music Podcast: A Bop or A Flop?	560
84.	Exploring The English Language Teachers' Beliefs And Practices In Implementing CEFR-Aligned Formative Assessment In Malaysian Primary Schools	570
85.	Pencapaian Ucapan Bayi Sejak Lahir Hingga Dua Belas Bulan	575
86.	Mengkaji Makna Bahasa Lukisan Kanak - Kanak Muda Usia 0-3 Tahun	585
87.	Penelitian Terhadap Kesiediaan, Motivasi Dan Faktor Persekitaran Murid Bukan Penutur Natif Terhadap Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Karangan Respon Terbuka Di Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur	599
88.	Pengaruh Bahasa Ibunda Dalam Kalangan Murid Bukan Melayu Tahun 5 Semasa Menulis Karangan: Satu Kajian Kes	610
89.	Meningkatkan Penguasaan Penulisan Karangan Naratif Murid Tahun 6 Menggunakan Kit Ikan Karang	619
90.	Pengaruh Dialek Kedah Terhadap Fonetik Dan Leksikal Kata Soal Pelajar Pispmp: Satu Kajian Kes	633
91.	Tahap Pengetahuan Guru Pelatih Mempengaruhi Kekekapan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Bahasa Melayu	643



PENCAPAIAN UCAPAN BAYI SEJAK LAHIR HINGGA DUA BELAS BULAN

*Rosny Maidin¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.

¹Alen_esmaryjune@yahoo.com

*Corresponding author

ABSTRAK:

Ucapan bayi menyebut perkataan berulang dan konsisten melihat persepsi bayi boleh bertutur awal. Maka, fenomena bayi menyebut perkataan seawal usia perlu diterokai secara mendalam dan menyebarkan pengetahuan ini kepada ibu bapa dalam persediaan mengajar literasi bahasa awal bayi. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk merungkai bagaimana bayi boleh melontarkan bunyi-bunyi sebutan seawal usia mereka. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka ucapan bayi sejak lahir sehingga usia 12 bulan. Kajian ini melibatkan lima peserta bayi berumur dari lahir hingga dua belas bulan, dan lima peserta ibu bapa bayi sebagai informan utama dalam kajian. Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif, dan pelaksanaan kajian menerusi kaedah kajian kes jenis pemerolehan. Kaedah pengumpulan data termasuklah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen, dan data dianalisis menggunakan kaedah induktif dan perbandingan daripada Merriam dan Tisdell (2016). Penemuan penyelidikan menghuraikan pemerolehan ucapan bayi meliputi; (a) pencapaian mengoceh bermain dengan bunyi (6-12), (b) pencapaian bunyi dan gerak isyarat melalui pertuturan dan bahasa badan (7-12), (c) pencapaian menyalin bunyi pertuturan dan menyusun bunyi (8-12), (d) pencapaian mengenali nama ucapan, mengenali nama individu (5-12). Kepentingan kajian ini adalah untuk mendidik orang dewasa bersama-sama mengembangkan aspek literasi ucapan awal bayi melalui pelbagai aktiviti mudah yang sesuai untuk bayi, memahami perkembangan ucapan awal bayi, dan bertindak balas terhadap bahasa ucapan awal bayi. Oleh itu, ucapan bayi dapat merangsang dan mencergaskan otak bayi melalui pengulangan kata-kata, serta mewujudkan keterikatan yang kuat bersama ibu dan keluarga.

Kata kunci: bahasa, ucapan bayi, sejak lahir hingga dua belas bulan

1. PENGENALAN

Cara kita bercakap secara naluri kepada bayi seperti nada yang lebih tinggi, kelajuan yang lebih perlahan, sebutan yang berlebihan akan menarik minat bayi dan membantu mereka belajar memahami perkara yang kita perkatakan, malah tindakan ini secara tidak langsung boleh membantu bayi belajar menghasilkan pertuturan. Seperti mana (Farran et al., 2016; Fernald et al., 1989; Shute & Wheldall, 1999) menjelaskan latar belakang linguistik dan budaya biasanya dicirikan oleh irama yang perlahan, melodi, nada tinggi dan berlebihan. Maka, hal ini jelas bahawa interaksi orang dewasa yang didengari bayi menunjukkan satu ciri pertuturan yang dikenali sebagai pertuturan terarah bayi (Fernald et al., 1989). Sejak awal kehidupan, bayi mula mendengar bunyi yang pelbagai berada di persekitarannya terutama bunyi suara ibunya sendiri. Seiring dengan peningkatan usia, bayi akan mula mengecam bunyi suara daripada ibu dan apabila cukup matang bayi akan melontarkan ucapan hasil daripada pendengaran selama ia membesar, ini disebabkan kerana bayi lebih suka mendengar ucapan terarah dewasa semasa lahir (Cooper & Aslin, 1990). Situasi ini membawa kepada pembelajaran ucapan bayi yang dipandu oleh bayi sendiri, di mana kebiasaannya kita melihat bayi mengoceh atau *babbling*.

Walaupun kebanyakan kajian telah mengesahkan keutamaan umum dan awal ucapan bayi atau *baby talk* ini, namun sehingga kini didapati kurangnya penyelidikan yang bertujuan untuk memahami bagaimana bayi menghasilkan ucapan dengan persekitaran semula jadinya apatah lagi dengan penerokaan bukan klinikal, makmal, penggunaan pelbagai alatan dan teknologi yang merangsang respon penghasilan ucapan bayi. Sebagai tambahan, data empirikal kajian kualitatif menerusi penerokaan semula jadi kurang berada dalam rujukan lepas. Oleh itu, matlamat kajian ini adalah untuk meneroka ucapan bayi bermula sejak lahir hingga berumur 12 bulan.

1.1 Kajian lepas

Pemerolehan bahasa pertuturan bayi

Kajian tentang penghasilan pertuturan daripada Polka et al., (2022) mengemukakan kekerapan bunyi untuk meniru sama ada saluran vokal bayi atau orang dewasa menguji bagaimana bayi itu bertindak balas. Hasil kajian menyatakan bayi enam hingga lapan bulan akan mempamerkan keutamaan yang mantap dan berbeza untuk pertuturan dengan resonans yang menentukan saluran vokal yang sama saiz dan panjangnya ucapan perkataan. Bagi bayi berumur empat hingga enam bulan tidak mempunyai penghasilan ucapan, hal ini menunjukkan bahawa keupayaan bayi yang lebih tua untuk mengawal suara mereka dan mengeluarkan perkataan daripada mengoceh boleh menjadikan bunyi ucapan lebih menarik didengari oleh bayi. Walaupun ibu bapa kadangkala tidak digalakkan untuk terlibat dalam interaksi bayi, penyelidikan Polka menunjukkan corak yang dikaitkan dengan gaya pertuturan itu yang dipanggil oleh saintis sebagai "pertuturan yang diarahkan oleh bayi" boleh menjadi komponen utama dalam membantu bayi membentuk perkataan. Hasil penemuan ini menjelaskan penghasilan pertuturan menunjukkan bayi muda 4-6 bulan lebih suka mendengar bunyi pertuturan dengan ciri vokal bayi daripada bayi dengan ciri vokal dewasa, menandakan adanya kehadiran "bank memori" khas untuk pengeluaran seperti pertuturan sendiri. Hal ini bermakna, ucapan bayi merangsang pengeluaran motor pertuturan, bukan hanya persepsi pertuturan. Oleh itu, hasil kajian ini menjelaskan ucapan bayi sentiasa mengalami perubahan mengikut umur dan kemahiran pengeluaran vokal yang baharu.

Seterusnya, laporan sorotan lepas menemukan bahawa pertuturan bayi terarah bayi lebih banyak menghasilkan bahasa sebutan, hal ini sama ada pertuturan antara bayi dan bayi, dan pertuturan bayi ditutur oleh ibu bayi. Sebagaimana penemuan kajian daripada Weisleder dan Fernald (2013) menjelaskan tentang jumlah pertuturan bayi dalam persekitaran keluarga mempengaruhi perkembangan kemahiran bayi dalam pemprosesan bahasa masa dan pembelajaran kosa kata. Hasil laporan daripada rakaman interaksi ibu bapa-bayi di rumah telah mendedahkan kewujudan lebih banyak pertuturan bayi yang terarah menjadi lebih cekap dalam memproses kecekapan perkataan bahasa bayi dan ini secara tidak langsung pengalaman bahasa yang lebih kaya mengukuhkan kemahiran pemprosesan yang memudahkan pertumbuhan bahasa. Kemudian kajian tentang *baby talk* daripada Frank et al., (2020) melaporkan penemuan yang positif. Kajian Frank telah menguji pertuturan bayi seawal 3-9 bulan, seterusnya sehingga 15 bulan yang menuju kematangan ucapan. Hasil kajian menjelaskan bayi lebih suka bercakap dengan ibu mereka, respon pertuturan lebih kuat sekiranya ibu bayi bercakap seperti bayi. Maka, kajian ini menunjukkan bahawa pendedahan awal ibu bapa dalam aspek pertuturan bersama bayi di rumah mampu merangsang bayi bercakap. Sementara kajian daripada Uther et al., (2007) menerangkan pertuturan terarah bayi boleh membantu bayi menyesuaikan diri dengan bunyi bahasa ibunda serta bunyi sebutan vokal. Oleh yang demikian, pertuturan terarah bayi menggalakkan perhatian bayi kepada bahasa, memupuk interaksi bayi dengan penjaga, serta peningkatan responsif bayi kepada bahasa ibunda (GolinKoff et al., 2015).



Emosi membentuk ucapan bayi

Kajian daripada Kao, (2021) menyiasat keutamaan pendengaran bayi (3-12 bulan) dengan prosodi emosi bayi dalam bentuk perkataan yang diucapkan dengan penetapan ucapan emosi gembira, sedih, marah, dan neutral. Hasil kajian ini menghuraikan bayi lebih suka afektif berbanding prosodi neutral, lebih perhatian mendengar ucapan gembira dan sedih, ucapan sedih perkataan lebih pendek, dan ucapan gembira lebih banyak dilontarkan. Bayi kurang perhatian mendengar ucapan emosi marah berbanding emosi gembira dan sedih. Kesimpulan kajian ini mengungkap kepekaan bayi melontarkan ucapan untuk kategori emosi asas dalam perkataan yang dituturkan dan bagaimana sifat akustik ucapan emosi boleh membimbing perhatian mereka.

Selain itu, laporan kajian daripada Egan et al., (2022) mengungkap amalan membaca bersama bayi sejak lahir hingga dua belas bulan telah memberi keseronokan kepada bayi yang membawa kepada faedah perkembangan sosio-emosi serta penerokaan terhadap pelbagai bahan bacaan dari semasa ke semasa sekaligus memindahkan minat membaca antara generasi. Perkara sedemikian adalah sangat positif bagi bayi, ini kerana bayi semasa ini bukan sahaja belajar untuk pembangunan fizikal, malah pada masa yang sama penyerapan awal kepada minda diberikan melalui kemasukan maklumat-maklumat bahasa awal. Hal ini juga telah dibentangkan oleh Puglisi et al., (2017) menyatakan sumber literasi rumah dan sikap ibu bapa terhadap literasi membangun kegembiraan bayi dan perkembangan pelbagai bahasa awal telah muncul yang bermula dengan bahasa komunikasi bayi, kemudian ucapan-ucapan satu suku kata, dua suku kata, ucapan berulang dan sebagainya. Akhirnya, rutin literasi rumah ini membawa kepada kemajuan dalam bahasa literasi awal komunikasi bayi menerusi kemajuan perbendaharaan kata, kosa kata ekspresif (Niklas et al., 2020), dan akhirnya menyokong perkembangan bahasa ekspresif dan reseptif pada peringkat umur bayi seterusnya (Deckner et al., 2006)

2. METODOLOGI

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Merriam dan Tisdell (2016), penyelidikan kualitatif adalah bersifat semula jadi yang akan menyelidik peserta kajian menerusi satu sempadan kes yang boleh di teroka secara berulang bagi mendapatkan dapatan yang mendalam sehingga mencapai tahap ketepuan. Berdasarkan kepentingan ini, pengkaji telah menggunakan reka bentuk kualitatif, dijalankan kaedah kajian kes jenis penerokaan (Merriam dan Tisdell, 2016). Pemungutan data dilakukan dengan menggunakan temu bual di mana lima ibu bapa bayi telah ditemu bual menerusi satu soalan kes iaitu bagaimanakah pencapaian ucapan bayi sejak lahir sehingga dua belas bulan? Sementara pemerhatian langsung dijalankan terhadap lima bayi untuk melihat pembangunan ucapan bahasa bayi, dan pemerhatian dilakukan setiap bulan sejak lahir hingga 12 bulan. Manakala analisis dokumen melibatkan sokongan daripada gambar foto, transkripsi, rakaman video dan audio temu bual.

2.1 Peserta kajian

Peserta kajian melibatkan keseluruhan sepuluh peserta kajian iaitu lima bayi (lahir hingga 12 bulan) dan lima ibu bapa kepada bayi yang menjadi informan utama dalam memberi maklumat kepada bayi mereka.

2.2 Analisis data

Analisis data dilakukan secara kaedah induktif dan perbandingan mengikut Merriam dan Tisdell, (2016) dalam membangun dan mencari tema utama yang disebut analisis tema melalui 3 langkah utama melibatkan koding, kategori dan tema. (I) koding: analisis teks transkripsi

dilakukan dengan membuka kod-kod segmen yang berulang pada teks dan diletakkan pada bahagian sudut kanan transkripsi. (ii) kategori: kod yang bermakna dikumpulkan kemudian membentuk kategori yang mewakili setiap kod tersebut yang juga disebut subtema kepada kod. (iii) tema: setiap subtema yang dibentuk menjalani proses pembinaan tema yang signifikan berdasarkan makna kepada subtema/kategori yang telah dibentuk sebelumnya. Tema yang dibangunkan mewakili penerangan yang tepat terhadap subtema sekaligus pemilihan tema adalah jawapan kepada persoalan kajian kes dalam kajian ini. Maka, dapatan yang dikemukakan ini adalah berdasarkan tema yang menjawab kepada kes kajian.

2.3 Dapatan Kajian

Dapatan kajian dihuraikan mengikut tema yang telah dikenal pasti bagi menjawab persoalan kajian utama iaitu bagaimanakah pencapaian ucapan bayi sejak lahir sehingga dua belas bulan? Oleh itu, dapatan kajian menghuraikan pencapaian ucapan bayi sejak lahir hingga dua belas bulan merangkumi; a) pencapaian mengoceh dan bermain dengan bunyi (6-12), b) pencapaian bunyi dan gerak isyarat melalui ucapan dan bahasa badan (7-12), c) pencapaian menyalin bunyi ucapan dan menyusun bunyi (8-12) d) pencapaian mengenali nama ucapan, mengenali nama individu (5-12).

Pencapaian mengoceh dan bermain dengan bunyi (6-12)

Mengoceh atau *babbling* bayi membawa maksud satu bahasa yang diucapkan oleh bayi sama ada yang mempunyai makna atau tidak, sesuatu perkataan tetapi bunyi perkataan tidak lengkap, dan sebutan suku kata berulang seperti “ma ma ba ba ta ta oh oh ah oh um” Hasil pemerhatian dan temu bual pengkaji mendapati semua peserta kajian bayi menunjukkan peringkat mengoceh yang berlainan fasa. Namun, mengoceh bermula umur bayi enam ke atas. Berikut dapatan kajian setiap bayi hasil daripada kelarasan pemerhatian dan temu bual informan:

informan 1: bayi mereka menunjukkan kebolehan babbling 6 bulan dengan sebutan “um am am” dsb..

informan 2: babbling bayi usia 7 bulan “a a da da da oh oh ta ta” dsb..

informan 3: usia bayi 8 bulan “ba aba aba/ da da” dsb..

informan 4: bayi usia 9 bulan “ma ma da da mem mem mem” dsb..

Informan 5: bayi 10 bulan “ma ma da da pa pa” dsb..

Semua bayi tidak sama peringkat mengoceh mereka, ada yang lewat ada yang awal. Keباikan mengoceh bayi ini membawa kepada pelengkap perkataan penuh, dan seterusnya sebutan suku kata, konsonan, serta pertuturan ayat.

Pencapaian bunyi dan gerak isyarat melalui ucapan dan bahasa badan (7-12 bulan)

Hasil pemerhatian pengkaji mendapati pencapaian ucapan bayi diperoleh daripada bunyi dan gerak isyarat melalui ucapan dan bahasa badan menjelang usia 7-12 bulan. Ini termasuklah semasa bunyi seperti lagu nyanyian dipasang melalui youtube (spt lagu *abc*, *baby shark*, *head and shoulder*, *if you happy, bunny*, *5 little baby*, *jump2*, *wriggle2*..) bayi dilihat mengerakkan tubuh badan, kadang kala mengeluarkan ucapan sama ada ucapan bermakna dan tanpa makna. Jadi, keserentakan ini membolehkan maklumat diserap dalam pemikiran kognitif bayi dan dikeluarkan dalam bentuk tingkah laku. Selain itu, bunyi dan gerak isyarat juga diambil daripada orang dewasa sama ada ibu bapa dan adik-beradik lain yang bermain dengan bayi tersebut. Misalnya sebutan “mama”, bayi mendengar dan mengikut menyebut perkataan “mama”. Sebutan

seperti “mama”, “dada” ini juga diselarikan dengan tontonan youtube di mana apabila bayi sudah biasa mendengar perkataan yang disebutkan, dan orang dewasa menyebutnya di hadapan bayi, bayi melihat dan menunjukkan tindak balas mengikut atau pun tersenyum, ketawa dan gembira. Dapatan pemerhatian ini disokong oleh hasil temu bual informan berikut;

“bayi saya pandai bercakap mengucapkan perkataan demi perkataan. Apa yang saya perhatikan, perkataan mudah yang selalu dia dengari dia sebut seperti dada, daddy, yang, mommy, aba, mama, oteng..kalau dia menangis pun, dia akan sebutan lagi jelas kedengaran spt susu, mommy, daddy...lagi satu perkataan no no, mula mula tu dia akan perhatikan kita, lama-lama dia sendiri boleh sebut no no sambil tunjuk jari no no”..(if1, L: 4-7)

Bagi informan 2 menyatakan hasil tontonan video memudahkan anak mereka mengemang lebih banyak perkataan dan menunjukkan pemahaman apabila orang dewasa menyebutnya di hadapan mereka. Hasil temu bual seperti berikut:

“selalu saya bagi tengok tv youtube learning baby talk yang ada mama, dada, hello, pabooo, I see you..jadi bila saya cuba bercakap begitu di depan dia nampak dia faham dengan tunjuk muka gembira, memang pada mulanya bayi tak boleh bercakap tapi bila selalu kita buat macam tu, bayi akan ikut sebab dia selalu dengar. Macam anak saya dah boleh sebut mama, dady”..(if2, L:3-5)

Bagi informan 3 pula, menyatakan lagu-lagu seperti abc, *winggle, jump, 5litttlebaby*... membolehkan bayi mereka memberi respon pertuturan bahasa tubuh dan kadang kala mengeluarkan ucapan perkataan. Berikut hasil temu bual;

“anak saya merespon kalau saya pasang video yang dia suka contohnya lagu abc, *winggle, jump, and 5litttlebaby*..mula-mula dia tak faham sepepat pun, tapi bila dah kerap menonton benda yang sama, lama-lama dia dah boleh cam.. kalau kata jump, anak saya nak melompat even dia tak pandai pun melompat.., bila saya bantu dia melompat ahh kat sini bukan main happy lagi dia..kalau lagu abc tu dia goyang badan sambil tepuk tangan, *5litttlebaby* pula kalau kita tak bagi dia lompat dan “terjatuh” pandai dia cakap bahasa baby tu maksud dia nak “terjatuh” dan nak melompat”...(if 3. L:9-13)

Pencapaian menyalin bunyi ucapan dan menyusun bunyi (8-12)

Dapatan kajian merungkai usia bayi memasuki 8-12 bulan sudah bermula menunjukkan sebutan bunyi ucapan dan menyusun ucapan sama ada bermakna atau tidak bermakna. Bermakna bermaksud perkataan yang mempunyai makna yang disebutkan oleh bayi, manakala tidak bermakna lebih kepada bahasa bayi di mana bayi sahaja yang memahami bahasa ucapan mereka. Perkara ini dilihat dalam situasi interaksi semasa orang dewasa bertindak balas kepada bunyi ucapan bayi, bayi mendengar, dan kemudian menyebut ucapan tersebut. Misalnya, ibu menyebut mama dada, bayi mengikut dada mama, maka kekerapan amalan perbualan ibu dan bayi seperti ini membolehkan bayi menyebut dengan betul urutan mama dada tanpa kesalahan dada mama. Hal ini bermakna, bayi menyalin ucapan ibu dan menyusun ucapan berulang kali sehingga berjaya. Hasil pemerhatian pengkaji mendapati semua bayi melakukan menyalin ucapan dan menyusun bunyi menerusi vokal dan suku kata, dua suku kata seperti berikut:

Bayi 1: perkataan ibu: ibi ibi ibu ibi abu ibi...i..bu= ibu.

Bayi 2: perkataan abang: aba aba aba abang aba eba aba =abang



Bayi 3: perkataan dada: de deh da da da =dada.

Bayi 4: perkataan daddy: da da ddy da da dey dear diou de dadd= daddy.

Bayi 5: perkataan mama dan mommy: ma ma mem mo mom me mey ma= mama/
perkataan mommy: oh uh mey eh eh ma mey miy mei..=mommy.

Manakala respon temu bual seperti berikut;

“bayi saya 9 bulan dah mula sebut mama bapa, tapi awalnya dia tak pandai sebut, dia sebut satu sebutan sahaja ma ma ma ma macam tu, jadi bila kita balik balik dah ajar mama mama mama lama lama dia boleh sebut, tapi dia tak akan sebut waktu kita ajar, tak..dua tiga hari macam tu baru dia tunjuk yang di boleh sebut”..(if3, L:13-15)

“kalau kita ajar sebut perkataan, dia tak boleh cakap terus, tetapi dia faham apa yang kita kata, contohnya ibu, ini ibu..dia ikut kita sebut ibu dengan sebutan yang salah, ibe abu ibi..ibu, nanti selang beberapa hari dia akan sebut dengan betul ibu, dah kuasai sebutan tu.. lepastu saya mama dada dia mengerti dan ikut sebut ma da da ma ma ma da ...ahh dia cakap tu tak betul la..masuk 11 bulan lebih macam tu dah boleh sebut ikut urutan tu mama dada”.. if 5, L: 11-14)

Berdasarkan dapatan di atas menghuraikan peringkat umur bayi yang meniru bunyi seterusnya menyusun bunyi ucapan berdasarkan ucapan daripada orang terdekat yang kerap berinteraksi dengan bayi. Semakin banyak bunyi ucapan yang didengari oleh bayi, semakin banyak peniruan bunyi ucapan yang dikeluarkan oleh bayi.

Pencapaian mengenali nama ucapan, mengenali nama individu (5-12)

Kekerapan orang dewasa menyebut nama sambil memberitahu makna kepada nama lebih memudahkan bayi mengingat hubungan diantara nama dan makna. Sebagaimana hasil pemerhatian pengkaji mendapati apabila orang dewasa menyebut nama dada..kemudian ibu jari menunjuk ke arah dada kepada bayi tersebut, bayi itu melihat, tersenyum dan menyebut perkataan dada. Hasil pemerhatian ini selari dengan hasil temu bual bersama informan 4 menyatakan rutin harian komunikasi mereka ialah aktiviti tunjuk dan sebut nama ahli keluarga di dalam rumah yang bertujuan bukan sahaja mengajar bercakap tetapi juga supaya bayi tersebut mengenali ahli keluarganya sendiri termasuklah dirinya sendiri. Setelah melalui fasa mengenali nama diri dan ahli keluarga. Respon temu bual seperti berikut;

“saya bercakap dengan anak saya sambil tunjuk dan sebut nama sebenar. Contohnya dada -tunjuk daddy dia, kakak -tunjuk kakak dia, abang -tunjuk abang dia, dan saya sendiri mama -tunjuk diri saya sendiri.. dia akan nampak mudah faham kalau kita ulang-ulang bercakap dengan dia., lama-lama dia akan sebut sendiri nama nama tu., selain tu kita selalu memanggil nama dia membuatkan dia mengenali dirinya sendiri walau pun pada waktu itu anak kita masih tidak boleh menyebut namanya. Contoh panggil adik hari ni dia tak kenal siapa adik, tak pandang pun kat kita, tapi selang beberapa hari macam tu bila kita panggil adik semula dia akan menoleh dan tahu bahawa adik itu adalah dia, dan bila kita bagi larang contoh adik don't go there dia akan berpaling dan tak pergi”..(if 4, L:6-14)

Bagi informan 5 berpendapat, bayi pada mulanya tidak mengetahui makna yang mereka sebutkan tetapi seiring dengan peredaran usia, pemahaman dan pengetahuan bayi dalam sesuatu perkara boleh dilihat melalui respon balas mereka terhadap interaksi emosi;

“ya, bayi ni kita anggap tak tau apa-apa, tapi sebenarnya mereka sedang mendengar dan mempelajari apa yang ada di persekitaran kehidupan harian mereka. Macam bayi saya, umur 5 bulan dalam tangisan penuh dengan nama-nama perkataan “nak susu, nak mama, nak beng-beng (nama doll), nak daddy”..dia sebut dia kenal makna perkataan tu. Bila saya beri patung dia, happy sakan..umur 7 bulan dia dah kenal ahli keluarga, katakan go to abang dia akan pegi..(if5, L10-14)

3. PERBINCANGAN

Peringkat pemerolehan bahasa bayi adalah tidak sama, ada yang cepat perkembangannya, ada yang lambat perkembangan bahasanya. Namun, setiap fasa bahasa harus dilalui oleh bayi kerana tanpa melalui fasa-fasa bahasa bayi kemungkinan membawa kepada masalah lain seperti masalah ketidakupayaan berbahasa. Input pertama yang cuba disampaikan dalam penemuan ini adalah sekiranya orang dewasa terutamanya ibu bapa kepada bayi mendapati bahawa bayi mereka tidak mengeluarkan bahasa interaksi, dan tidak berada dalam proses fasa pemerolehan bahasa, sewajarnya bayi perlu dirujuk kepada pakar patologi secepat yang mungkin untuk mengdiagnosis, menerima rawatan awal, memeriksa kesihatan lain, serta menurunkan tahap perkembangannya masalah yang lain.

Kemudian, memasuki usia 6 bulan ke atas bayi akan mula mengeluarkan ocehan seperti “mem mem mem/ma ma ma/ da da da/brew brew brew” di mana situasi ini dilihat bayi sedang bermain dengan bunyi tersebut. Sama ada ia membentuk makna perkataan atau pun tidak, mengoceh ini akan meneruskan peringkat sebutan penuh (ma ma =mama). Kebiasaannya, kerancakan yang dilihat bayi bermain dengan bunyi adalah semasa pertumbuhan gigi berlaku. Pada waktu ini bayi suka bermain dengan bunyi diikuti dengan gerakan bibir mereka dan melontarkan ucapan *babbling*. Misalnya “brew brew brew”. Seterusnya, menjelang usia 7 bulan bayi mula memasuki fasa bahasa ucapan bayi yang diperolehi melalui bunyi dan gerak isyarat melalui pertuturan dan bahasa badan ibu bapa. Apabila ibu bapa berinteraksi dengan bayi mereka, pada waktu inilah bayi akan melakukan pengamatan dan peniruan (Egan et al., (2022). Menyebut “mama” diikuti dengan gerakan bibir membolehkan bayi melihat bagaimana ibu mereka menyebut persamaan gerakan bibir. Memetik kenyataan daripada Polka et al., (2022), apabila tiba masanya, bayi akan melontarkan ucapan mama dengan baik hasil daripada pembelajaran yang diberikan kepada bayi sepanjang mereka melalui peringkat perkembangan usia.

Setelah bayi melepasi tahap di atas, bayi akan mula membentuk salinan bunyi pertuturan dan menyusun bunyi tersebut sehingga membentuk makna perkataan dan fasa ayat (Franco, 2022). Pada fasa ini terdapat dua bahagian proses pembelajaran bahasa bayi ini iaitu reseptif iaitu bahasa bayi yang hanya bayi sahaja memahami bahasa mereka, dan ekspresif iaitu bahasa di mana bayi boleh menyebut bahasa yang bermakna. Ini bermaksud bahasa reseptif dibangunkan dan dilalui oleh bayi sebelum mereka berinteraksi dengan bahasa ekspresif. Ini bermaksud bayi mempelajari bahasa mereka sendiri (bahasa bayi) sebelum bayi boleh bercakap dengan baik. Oleh itu, ibu bapa perlu tahu bahawa tidak terlalu awal mengajar bayi untuk bercakap, tetapi memberi mereka peluang meneroka bahasa mereka sendiri terlebih dahulu iaitu bahasa bayi. Malah dalam fasa ini, ibu bapa perlu memberi respon kepada bayi ketika bayi mengeluarkan sebutan, mengajar bayi fasa mengambil giliran dan mengulang semula perbualan asal sekiranya dapat menggalakkan penambahan bunyi, melatih pendengaran bayi dan bayi merasakan kepentingan bercakap sesuatu (Niklas et al., 2022; Puglisi et al., 2017). Sebagaimana pendapat Kio, (2021) menimbulkan emosi yang gembira dalam hubungan bayi-ibu sebenarnya mampu membuka ucapan bayi dengan lebih pantas, dan bayi melalui fasa lontaran bahasanya sendiri

sebagai satu permulaan interaksi semula jadi bayi yang akhirnya membawa kepada interaksi bersama orang lain seterusnya (Fernald A. 1985).

Tema akhir adalah bayi boleh mengenali nama ucapan dan mengenali nama individu yang merujuk kepada pelbagai perkara termasuklah bayi mengenali nama dan mengenali pemilik nama (misalnya ibu menyebut abang sambil menunjuk ke arah abang -bayi melihat abang). Pada fasa ini juga bayi sudah mula mengenali diri sendiri apabila dirinya dipanggil dan memaling muka ke arah datangnya panggilan. Seterusnya, memasuki usia 10 bulan bayi sudah mula memanggil nama ahli keluarganya; contohnya bayi memanggil “yang” (panggilan ibu kepada dada) dan melihat daddynya, panggilan dada melihat dadanya, panggilan mama melihat mamanya. Pengetahuan yang diperoleh bayi ini adalah hasil daripada peniruan persekitaran di mana kekerapan bayi mendengar situasi ini di dalam rumah, dan juga pengajaran daripada ibu bapa dan ahli keluarga yang lain. Penguasaan ingatan jangka panjang bayi dan kemudian digunakan apabila mencapai tahap kematangan didapati hasil daripada interaksi sosial sepanjang bayi melalui fasa-fasa kehidupan mengikut usia (Werker & Tees, 1984; Niklas, (2020). Sehubungan dengan itu, bahasa pemikiran bayi dirangsang apabila ibu bapa bercakap dengan bayi dan bayi menyalin bunyi ucapan, didikan bahasa ucapan daripada ibu bapa lebih memudahkan bayi memproses maklumat dalam pemikiran mereka, permulaan bahasa bayi adalah dengan memahami bahasa kemudian baharulah bayi boleh bercakap, dan akhir sekali bayi yang lebih banyak mendengar bahasa lebih cenderung mahir dalam meneroka ayat pertuturan pada peringkat umur kanak-kanak seterusnya (Werker & Tees, 1984; Frank et al., 2020; Heinlein et al., 2021; Egan et al., 2022).

4. RUMUSAN

Bercakap dengan bayi merupakan satu faedah yang membantu bayi belajar menghasilkan pertuturan mereka sendiri. Ini termasuklah dengan meniru saluran vokal yang memberi petunjuk kepada bayi tentang bagaimana perkataan itu harus berbunyi keluar dari mulut mereka sendiri. Kemudian, ucapan yang diungkapkan melalui emosi mengikut situasi agar bayi boleh memahami hubungan emosi dan lontaran ucapan yang sesuai diucapkan. Rangsangan, respon balas dan ajakan kepada bayi membuktikan bayi lebih banyak mengeluarkan ucapan perkataan yang menyokong dan membangun awal literasi bahasa pertuturan bayi. Walau bagaimanapun, perkembangan bahasa ucapan bayi adalah tidak semunya sama peringkatnya, namun fasa ucapan bayi mestilah berada dalam proses pembelajaran dan perkembangan dari semasa ke semasa. Pentingnya ucapan bayi ini adalah untuk membantu bayi mewujudkan ikatan dan hubungan istimewa bersama ibu bapa dan ahli keluarganya yang membuatkan dirinya disayangi, selamat dan selesa. Ucapan bayi sebenarnya mampu merangsang otak bayi untuk mempersiapkan bayi mempelajari bahasa ucapan yang lebih sukar. Justeru, hasil keseluruhan kajian ini mengungkap bahawa ucapan bayi adalah ucapan sejagat yang diperoleh melalui ahli keluarganya (ibu bapa, dan adik-beradik), serta ucapan yang didapati daripada persekitaran orang dewasa, kanak-kanak, dan saluran teknologi seperti Youtube.

PENGHARGAAN

Pengkaji mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa kepada bayi kerana memberi kebenaran kepada pengkaji menjalankan kajian ini, serta *reviewer* tanpa nama membantu memberi komen atas penulisan untuk tujuan menambahbaik kandungan makalah ini.



RUJUKAN

- Cooper R. P., Abraham J., Berman S., Staska M. (1997). The development of infants' preference for motherese. *Infant Behavior and Development*, 20(4), 477–488. [https://doi.org/10.1016/S0163-6383\(97\)90037-0](https://doi.org/10.1016/S0163-6383(97)90037-0)
- Deckner DF, Adamson LB and Bakeman R (2006) Child and maternal contributions to shared reading: effects on language and literacy development. *Journal of Applied Developmental Psychology* 27(1): 31–41. DOI: 10.1016/j.appdev.2005.12.001.
- Egan, S.M., Moloney, M., Pope, J., Breatnach, D. & Hoyne, C. (2022). From Stories at Bedtime to a Love of Reading: Parental Practices and Beliefs about Reading with Infants. *Journal of Early Childhood Literacy*. Vol. 0(0) 1–27. doi/10.1177/14687984221123710
- Fennell C. T., Byers-Heinlein K. (2014). You sound like Mommy: Bilingual and monolingual infants learn words best from speakers typical of their language environments. *International Journal of Behavioral Development*, 38(4), 309–316. <https://doi.org/10.1177/0165025414530631>
- Fernald A. (1985). Four-month-old infants prefer to listen to motherese. *Infant Behavior and Development*, 8(2), 181–195. [https://doi.org/10.1016/S0163-6383\(85\)80005-9](https://doi.org/10.1016/S0163-6383(85)80005-9)
- Franco, F. Suttora, C., Spinelli, M., Kozar, I., & Fasolo, M. (2022). Singing to infants matters: Early singing interactions affect musical preferences and facilitate vocabulary building, *Journal of Child Language*, Vol 49, 552–577, doi:10.1017/S0305000921000167
- Frank, M. C., Bergmann, C., Bergelson, E., Heinlein, K. B., Cristia, A., Cusack, R., Dyck, K., Floccia, C., Gervain, J., Gonzalez, N., Hamlin, K., Hannon, E., Kellier, D., Williams, C, K, L., Nazzi, T., Panneton, R., Rabaqliati, H., Rennels, J., Seidl, A., Yurovsky, D., Soderstorm, M. (2020). Quantifying Sources of Variability in Infancy Research Using the Infant-Directed-Speech Preference: The ManyBabies Consortium. *Advances in Method and Practice in Psychological Science*, Sage Journals Vol 3, (1), 2020: 24-52. <https://doi.org/10.1177/2515245919900809>
- Golinkoff, R. M., Deniz, D., Soderstorm, M., Pasek, K, H. (2015). (Baby)Talk to Me: The Social Context of Infant-Directed Speech and Its Effects on Early Language Acquisition, *Current Directions in Psychological Science* 24(5):339-344, DOI:10.1177/0963721415595345
- Heinlein, K. B., Tsui, A, S, M., Bergmann, C., Black, A, K., Brown, A., Carbajal, M, J., Durrant, S., Fennell, C, T., Fiévet, A, C., Frank, M, C., Gampe, A., Gervain, J., Gomez, N, G., Hamlin, J, K., Havron, N., Hernik, M., Kerr, S., Killam, H., Klassen, K., Kosie, J, E., Kovács, A, M., Williams, C, L., Liu, L., Mani, N., Marino, C., Mastroberardino, M., Mateu, V., Noble, C., Orena, A, J., Polka, L., Potter, C, E., Schreiner, M, S., Singh, L., Soderstrom, M., Sundara, M., Waddell, C., Werker, A, F., Wermelinger., S. (2021). A Multilab Study of Bilingual Infants: Exploring the Preference for Infant-Directed Speech. *Advances in Methods and Practices in Psychological Science*, Vol. 4, No. 1, pp. 1–30. <https://doi.org/10.1177/2515245920974622>
- Kao, Chieh. (2021). Emotional Speech Processing in Infants and Adults: A Behavioral and Electrophysiological Investigation. Retrieved from the University of Minnesota Digital Conservancy, <https://hdl.handle.net/11299/224931>.
- Merriam, S, B., & Tisdell, E, J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* 4ed. Jossey-Bass: Wiley San Francisco.
- Niklas F, Wirth A and Guffler S (2020) The Home Literacy Environment as a Mediator Between Parental Attitudes Toward Shared Reading and Children's Linguistic Competencies. *Frontiers in Psychology*. 11. DOI: 10.3389/FPSYG.2020.01628
- Polka, L., Masapollo, M., dan Menard, L. (2022). Setting the Stage for Speech Production: Infants Prefer Listening to Speech Sounds With Infant Vocal Resonances. *Journal of*



- Speech, Language, and Hearing Research, Vol 65 (1): 109-120, https://doi.org/10.1044/2021_JSLHR-21-00412
- Puglisi ML, Hulme C, Hamilton LG, et al. (2017) The home literacy environment is a correlate, but perhaps not a cause, of variations in children's language and literacy development. *Scientific Studies of Reading*, Vol 21 (6): 498-514, doi: 10.1080/10888438.2017.1346660.
- Shute B., Wheldall K. (1999). Fundamental frequency and temporal modifications in the speech of British fathers to their children. *Educational Psychology*, 19(2), 221–233. <https://doi.org/10.1080/0144341990190208>
- Uther M, and Knoll MA, and Burnham D. 2007. Do you speak E-N-G-L-I-S-H? A comparison of foreigner- and infant-directed speech. *Speech communication* 49: 2-7.
- Weisleder, A., dan Fernald, A. (2013). Talking to children matters: Early language experience strengthens processing and builds vocabulary. *Psychol Sci*. Vol 01; 24(11): 2143–2152. doi:10.1177/0956797613488145.
- Werker, J. F., & Tees, R. C. (1984). Cross-language speech perception: Evidence for perceptual reorganization during the first year of life. *Infant Behavior and Development*, 7(1), 49–63.